



IKLAN



PERMOHONAN TAJAAN JPA DAN MARA UNTUK LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009 DI BAWAH PROGRAM IJAZAH LUAR NEGARA 2010

1. Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 untuk mendapatkan tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi mengikuti pengajian di bawah Program Ijazah Luar Negara tahun 2010.
2. Permohonan boleh dibuat melalui aplikasi atas talian (*on-line application*) melalui laman web <http://www.jpa.gov.my> mulai tarikh keputusan SPM 2009 diumumkan secara rasmi.
3. Tarikh tutup permohonan tajaan Program Ijazah Luar Negara (PILN) 2010 adalah **7 hari selepas permohonan dibuka.**
4. Maklumat lanjut mengenai program/ bidang kursus, syarat-syarat permohonan dan cara memohon boleh diperolehi dengan melayari laman web <http://www.jpa.gov.my> mulai tarikh iklan ini disiarkan. Calon hendaklah membaca dan memahami kesemua maklumat mengenai program/ bidang kursus, syarat-syarat permohonan dan cara memohon sebelum membuat permohonan.
5. **Program Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor** di hospital-hospital Kerajaan yang terpilih di seluruh negara akan diadakan **selama 5 hari mulai 22 sehingga 26 Mac 2010**. Program ini **diwajibkan** kepada semua calon yang memohon untuk mengikuti pengajian dalam **bidang perubatan di bawah tajaan JPA.**

6. Calon-calun dikehendaki menyemak maklumat terkini mengenai permohonan melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>:
 - a. Keputusan panggilan bagi mengikuti program Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor : **19 Mac 2010**
 - b. Keputusan panggilan temuduga JPA : **29 Mac 2010**

7. Temuduga JPA akan dijalankan di beberapa pusat di seluruh negara mulai **5 hingga 8 April 2010**. Bagi calon yang terpilih untuk menghadiri temuduga **diwajibkan** untuk:
 - a. Membawa **Borang Pengesahan Pendapatan Bulanan Keluarga** yang telah disahkan dan dokumen-dokumen lain yang ditetapkan; dan
 - b. **Menduduki Ujian Khas Biasiswa Persekutuan JPA** yang dijalankan melalui aplikasi atas talian (*on-line application*) melalui laman web <http://www.jpa.gov.my> mulai **29 Mac 2010 sehingga 9 April 2010**.

8. Pelajar-pelajar yang memohon **tajaan MARA** boleh menyemak maklumat terkini mengenai permohonan melalui laman web <http://www.mara.gov.my>:
 - a. Keputusan panggilan dan maklumat temuduga MARA : **30 Mac 2010**

9. Pertanyaan mengenai **masalah teknikal** semasa **mengisi borang permohonan atas talian** boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3541 (2 talian)**. Talian-talian ini dibuka setiap hari dari jam **8.00 pagi hingga 10.00 malam** mulai **tarikh keputusan SPM 2009 diumumkan secara rasmi**.

10. Pertanyaan mengenai **masalah teknikal** semasa **menduduki Ujian Khas Biasiswa Persekutuan JPA** atas talian boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8316 4422, 03-8316 4435 dan 03-8316 4055**. Talian-talian ini dibuka setiap hari dari jam **8.00 pagi hingga 10.00 malam** mulai **29 Mac 2010 sehingga 9 April 2010**.

11. Pertanyaan mengenai **program tajaan JPA** boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3704 (10 talian)**, pada setiap hari bekerja mulai jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang** atau emel di alamat piln2010@jpa.gov.my.

12. Pertanyaan mengenai **program tajaan MARA** boleh dibuat dengan menghubungi Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA di talian **03-2691 5111 (sambungan 3620, 3625, 3623, 3629, 3627, 1173, 1166, 1172, 1109, 1131 dan 1142)** pada setiap hari bekerja mulai jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang** atau emel di alamat **informasibpp@mara.gov.my**.

13. Calon-calon hendaklah sentiasa melayari laman web **<http://www.jpa.gov.my>** dan laman web **<http://www.mara.gov.my>** dari semasa ke semasa untuk mengetahui perkembangan dan pengumuman terkini mengenai permohonan PILN 2010.

Iklan ini dikeluarkan oleh

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

JPA PENERAJU PERUBAHAN PERKHIDMATAN AWAM